

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 1/2010**

=====

**DASAR PEMILIKAN TANAH UNTUK KEGUNAAN  
RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

-----

1. **TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai dasar Kerajaan Negeri berkaitan dengan pemilikan tanah untuk tujuan rumah ibadat bukan Islam di Negeri Selangor.

2. **LATAR BELAKANG**

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 22/2008 yang bersidang pada 6 Ogos 2008 telah bersetuju dan meluluskan cadangan pindaan ke atas tempoh pajakan daripada 60 tahun kepada 99 tahun dan cukai tanah tahunan daripada RM100.00 (nominal) kepada RM1.00 (nominal).

### 3. KAEDAH PERLAKSANAAN

#### 3.1 Kaedah

Setiap permohonan pemberimilikan tanah kerajaan dan tukar syarat tanah untuk pembinaan rumah ibadat bukan Islam perlu perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor dan seterusnya kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

#### 3.2 Syarat-syarat Tanah

Jenis hakmilik	:	Pejabat Pendaftar/ Pejabat Tanah
Jenis Suratan	:	Pajakan Negeri/ Pajakan Mukim
Tempoh Pajak	:	99 Tahun
Keluasan	:	Mengikut keluasan dalam pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang.
Kategori	:	Bangunan

Syarat Nyata Tanah : Rumah Ibadat Bukan Islam  
(gereja/ kuil/ tokong)

Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh  
dipindahmilik, dipajak atau  
dicagar melainkan dengan  
kebenaran daripada Pihak  
Berkuasa Negeri.

### 3.3 Bayaran Premium

Tanah Bandar dan Pekan : RM1,000.00 bagi setiap ekar  
atau sebahagian daripadanya.

Tanah Desa : RM300.00 bagi setiap ekar atau  
sebahagian daripadanya.

### 3.4 Cukai Tanah

Cukai Tahunan : RM1.00 (nominal)

3.5 Bayaran ukur dan lain-lain bayaran.

Bayaran ukur dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan.

4. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

- 4.1 Tanah yang dipajak ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tapak sebuah gereja/ kuil/ tokong dan **tidak boleh** digunakan untuk lain-lain tujuan.
- 4.2 Pemegang pajakan hendaklah dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran Suratan Hakmilik atau dalam tempoh yang telah dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Negeri mendirikan sebuah gereja/ kuil/ tokong yang jenis dan reka bentuknya telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Selepas itu pemajak hendaklah menjaga dengan keadaan baik setaraf dengan kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Negeri dan melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, tanah yang diluluskan ini tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.
- 4.3 Pemegang pajakan hendaklah menyelesaikan segala cukai, bayaran-bayaran taksiran dan sebarang apa jua bayaran yang mungkin dikenakan dari masa ke semasa ke atas tanah pajakan ini atau apa-apa bangunan di atasnya samada yang

dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.

4.4 Pemaju diminta menyediakan tapak rumah bukan Islam bagi pembangunan melebihi 100 ekar.

4.5 Tidak dibenarkan mendirikan rumah ibadat bukan Islam di dalam kawasan lapang atau tanah yang telah diperuntukkan sebagai kawasan lapang.

## 5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

5.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini **berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.**

5.2 Pekeliling PTG Bil. 5 Tahun 1973 dengan ini dibatalkan.

  
(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 29 Januari 2010